

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program *Outreach* juga dilaksanakan berdasarkan kepada permintaan-permintaan daripada agensi Kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) serta orang perseorangan. Justeru, bagi memperhebatkan lagi usaha ini, Jabatan Pendaftaran Negara amat mengalu-alukan kerjasama di kalangan pemimpin tempatan bagi mewar-warkan program ini kepada penduduk di kawasan pedalaman.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk menjawab soalan (b) yang bertanyakan mengenai tempoh masa untuk memproses permohonan pendaftaran lewat kelahiran dan kad pengenalan, dimaklumkan bahawa bagi kelahiran yang berlaku di Hospital, Klinik Kerajaan atau Swasta bagi kanak-kanak berumur bawah 12 tahun, Sijil Daftar Lewat Kelahirannya akan dikeluarkan pada hari yang sama kecuali wujudnya Kes Ragu yang memerlukan proses temuduga. Manakala bagi kelahiran yang berlaku di rumah panjang, proses pengeluaran Sijil Daftar Lewat Kelahiran seseorang kanak-kanak akan mengambil masa selama 1 hingga 3 bulan bekerja.**

**Bagi permohonan daftar lewat kad pengenalan pula yang merujuk kepada pemohon yang berumur 16 tahun dan ke atas yang masih belum memohon kad pengenalan, permohonan tersebut akan diproses dan diselesaikan dalam tempoh 3 bulan**

**bermula dari tarikh permohonan lengkap diterima dan dirujuk kepada Panel Daftar Lewat Kad Pengenalan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod Jabatan Pendaftaran Negara, dari bulan Januari sehingga Disember 2014, sebanyak 70 permohonan pendaftaran lewat kelahiran daripada kaum Iban di Sibu telah berjaya direkodkan oleh Unit Khas Bergerak Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak. Bagi permohonan pendaftaran lewat kad pengenalan pula, sebanyak 255 permohonan lengkap telah diterima daripada kaum Iban.**